

Abdullah ucap tahniah pelajar UiTM mahu jelajah dunia

KUALA LUMPUR 27 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada seorang pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang akan menjelajah dunia bermotosikal selama 124 hari, bermula Ahad ini.

Perdana Menteri memberi ucapan tersebut kepada Hazman Hussain, 23, walaupun dia belum lagi menyelesaikan misinya kerana tertarik dengan keberanian anak muda itu untuk memulakan sesuatu yang baru.

"Semoga berjaya. Jangan putus asa sebe-

lum kejayaan dicapai," katanya ketika melancarkan majlis Simbolik Pelepasan Projek UiTM Jelajah Dunia Bermotosikal 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.

Abdullah yang juga penaung projek turut menasihatkan Hazman yang akan diiringi mekanik, Razali Ahmad, 43, dan jurupandu arah, Muzisham Halimy Abd. Munir, 36, supaya menjaga diri baik-baik.

Hazman yang berasal dari Pekan, Pahang ketika ditemui selepas majlis itu

melahirkan rasa terharu dengan sokongan yang diberikan oleh Perdana Menteri.

"Ketika di sekolah menengah saya gemar berlumba haram tetapi selepas memasuki UiTM, para pensyarah telah menyedarkan saya supaya melakukan sesuatu yang lebih bermakna dalam hidup," kata penuntut tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan Maklumat yang telah menerima Anugerah Dekan kerana kecemerlangan akademiknya.

Menurut Hazman, dia dan Muzisham

Halimy masing-masing akan menunggang motosikal Aprilia Strada 650 yang disumbangkan oleh Penaung Diraja projek berkenaan iaitu Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, manakala Razali menggunakan motosikal Yamaha LC 135.

"Penjelajahan yang bermula dari Menara Kuala Lumpur, Ahad ini akan melibatkan 17 negara dengan bandar-bandar utama yang bakal dilawati ialah Bangkok, Teheran, Ankara, Paris, London, Los Angeles, Osaka, Seoul dan Shanghai," ujarnya.

UM - 27/4/2007